

PEMBINAAN KEMAHIRAN INSANIAH GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MELALUI AMALAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR

Murihah Abdullah¹
Mohd Faez Ilias²
Kamarul Azmi Jasmi³
Abdul Hafiz Abdullah³
Arieff Salleh Rosman³

¹Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, murihah16@gmail.com

²Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

³Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Abdullah, M., Ilias, M. F., Jasmi, K. A., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. (2016). *Pembinaan Kemahiran Insaniah Guru Pendidikan Islam di Sekolah Melalui Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar*. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(2-1) (Jun, 2016) 56-72, eISSN: 2289-7909.

ABSTRACT

Kemahiran insaniah yang lahir dalam setiap diri seorang guru adalah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kemahiran ini sangat penting untuk diterapkan dan diberi penekanan kepada semua guru di sekolah. Kebanyakan kajian menjelaskan bahawa aspek utama dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar dan guru di sekolah adalah menerusi aktiviti kokurikulum. Namun kebanyakan guru tidak menyedari bahawa aktiviti kurikulum juga mampu melahirkan kemahiran insaniah dalam diri mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti jenis kemahiran insaniah yang terhasil melalui penggunaan sumber pengetahuan yang disediakan oleh sekolah dalam amalan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) Guru Pendidikan Islam (GPI). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual sebagai data utama serta pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan sebagai data sokongan. Dapatan yang diperolehi menggunakan instrumen tersebut dianalisis secara "open coding" menggunakan perisian Nvivo 7.0. Hasil kajian menjelaskan bahawa dalam amalan penggunaan BBM GPI, terdapat dua kemahiran insaniah yang utama dan empat kemahiran insaniah sokongan. Kemahiran insaniah yang utama ialah etika dan moral profesional serta pengurusan maklumat. Manakala kemahiran insaniah sokongan ialah kerja berpasukan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan pembelajaran berkesan. Kemahiran ini terbina melalui amalan GPI dalam usaha meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan BBM menggunakan tiga sumber yang disediakan oleh pihak sekolah. Tiga jenis sumber yang disediakan oleh pihak sekolah ialah kursus, internet, dan buku. Hasil kajian ini membentuk satu model kemahiran insaniah yang terbina melalui usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan ketika menggunakan BBM. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh pentadbir-pentadbir di institusi pendidikan dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah terhadap pekerja mereka.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic And Arabic Education*. 2(1). Hlmn. 43-56.
- Barnett, S. 2003. Better teachers, better preschools: student achievement linked to teacher qualifications. *Preschool Policy Matter*, 2. NJ: National Institute for Early Education Research.
- Bernd Schulz (2008). The Importance of Soft Skills: Education Beyond Academic Knowledge. *Journal of Language and Communication*. 146-154.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Rashidi bin Abbas (2012). Hubungan Akhlak Islam Dengan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. National Human Resource Management Conference 2012. 5-6 /12/2012 HOLIDAY Inn Melaka.
- Ilias, M.F. & Jasmi, K. A. (2011). Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama in Persidangan Kebangsaan Sains Sosial at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) on 20 - 21 April 2011.
- Jasmi K. A., Ahamed A. M., & Mohd Noor J. M. (2015). *Mahasiswa dan Matlamat Hidup* in Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa Jilid I. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Malaysia Today (2005). *Malaysia Has 60 000 Graduates Unemployed*. <http://www.malysiatoday.net/Blog-e/2005/11/malaysiahas>

[60000 undergraduates.htm](#) , November 3, 2005.

- Morrison, F. J., Bachman, H. J., & Connor, C. M. 2005. *Improving literacy in America: Guidelines from research*. New Haven: Yale University Press.
- Noor Azean Atan dan Vee Lynn Khoo (2010). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Kalangan Guru Pelatih Yang Mengambil Kursus Sains Komputer Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Pp. 1-7. (Unpublished).
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 4(2). Halaman: 44-56.
- Schena, L. B. (2010). *Teaching Teamwork to Public Relations Students: Does It Matter?* University of La Verna: PhD Thesis.
- Siti Nur Nadirah dan Hasnah (2012). Sistem Mentor dan Amalan Guru dalam Meningkatkan Literasi Awal Kanak-Kanak. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skills)* UTHM. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.

PEMBINAAN KEMAHIRAN INSANIAH GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MELALUI AMALAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR

Murihah Abdullah¹, Mohd Faez Ilias², Kamarul Azmi Jasmi³, Abdul Hafiz Abdullah³, Arieff
Salleh Rosman³

murihah16@gmail.com, faez@kuis.edu.my²

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kemahiran insaniah yang lahir dalam setiap diri seorang guru adalah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kemahiran ini sangat penting untuk diterapkan dan diberi penekanan kepada semua guru di sekolah. Kebanyakan kajian menjelaskan bahawa aspek utama dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar dan guru di sekolah adalah menerusi aktiviti kokurikulum. Namun kebanyakan guru tidak menyedari bahawa aktiviti kurikulum juga mampu melahirkan kemahiran insaniah dalam diri mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti jenis kemahiran insaniah yang terhasil melalui penggunaan sumber pengetahuan yang disediakan oleh sekolah dalam amalan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) Guru Pendidikan Islam (GPI). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual sebagai data utama serta pemerhatian, analisis dokumen, dan nota lapangan sebagai data sokongan. Dapatan yang diperolehi menggunakan instrumen tersebut dianalisis secara “*open coding*” menggunakan perisian Nvivo 7.0. Hasil kajian menjelaskan bahawa dalam amalan penggunaan BBM GPI, terdapat dua kemahiran insaniah yang utama dan empat kemahiran insaniah sokongan. Kemahiran insaniah yang utama ialah etika dan moral profesional serta pengurusan maklumat. Manakala kemahiran insaniah sokongan ialah kerja berpasukan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan pembelajaran

¹ Calon Doktor Falsafah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

² Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

berkesan. Kemahiran ini terbina melalui amalan GPI dalam usaha meningkatkan pengetahuan semasa penggunaan BBM menggunakan tiga sumber yang disediakan oleh pihak sekolah. Tiga jenis sumber yang disediakan oleh pihak sekolah ialah kursus, internet, dan buku. Hasil kajian ini membentuk satu model kemahiran insaniah yang terbina melalui usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan ketika menggunakan BBM. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh pentadbir-pentadbir di institusi pendidikan dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah terhadap pekerja mereka.

Kata kunci: kemahiran insaniah, Guru Pendidikan Islam, Bahan bantu mengajar.

THE DEVELOPMENT OF SOFT SKILLS IN ISLAMIC EDUCATION TEACHERS THROUGH THE PRACTICE OF USING TEACHING AIDS

ABSTRACT

Teacher's soft skills are vital to be fostered among all teachers through curricular and extra-curricular activities. Many studies have proven this to be true. However, many teachers are unaware that via curriculum, soft skills can be developed too. Therefore this present study aims in identifying the different soft skills that may developed via knowledge and practising using teaching aids among Islamic Education teachers (IET). This study adopts the qualitative approach by utilising interview to collect premier data whilst observations, document analysis, field notes as secondary data. The findings are gathered and analysed via open coding using NVivo 7.0 software. This study pointed out that via practising using of teaching aids IET manifested two main and four supported soft skills. The major soft skill is ethics and moral professional and information management. While supporting soft skills that were developed are namely teamwork, critical thinking, problem solving, and effective learning. These skills are built through IET practices of using three types of teaching aids in order to improve the current knowledge provided by the school. Three types of resources provided by the school are the course, internet, and books. The results of this study establish a model of soft skills built through the efforts of teachers to improve their knowledge when using teaching aids. The results of this study can be used as a reference by the administrators in educational institutions in order to implement the soft skills of their employees.

Keywords: Soft skills, Islamic Education, Teaching Aids.

1.0 PENDAHULUAN

Sekolah formal dan tidak formal telah wujud sejak lama dahulu. Kewujudan sekolah ini adalah sebagai sebuah institusi pengembangan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Melalui ilmu pengetahuan yang berkembang kepada seluruh masyarakat, jati diri mereka semakin meningkat dengan perkembangan pelbagai kemahiran. Selain manfaat kepada masyarakat, guru juga menerima kesan terhadap perkembangan kemahiran pelajar.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah digariskan khusus untuk para pendidik memberikan pelbagai kelebihan terutamanya penambahan dari aspek kepelbagaian kemahiran. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut menggariskan bahawa setiap insan itu perlu menguasai pelbagai kemahiran yang membentuk kemahiran insaniah antaranya kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, serta kemahiran kepimpinan (KPT, 2006).

Realitinya institusi pendidikan di Malaysia pada masa kini sedang berusaha membentuk kemahiran insaniah dalam setiap diri individu khususnya para pelajar. Kamarul Azmi (2007), menjelaskan bahawa setiap pelajar seharusnya sentiasa berusaha dan bersedia dalam meningkatkan ilmu pengetahuan bermula daripada mempelajari, memahami, dan menghayati konsep sesuatu ilmu pengetahuan yang dipelajarinya. Oleh itu, setiap individu pelajar digalakkan agar mempertingkatkan diri dengan ilmu pengetahuan agar mendapat manfaat dan kefahaman yang mendalam (Mohd Faez dan Kamarul Azmi, 2011; Kamarul Azmi, et al., 2015). Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah (58:11):

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama

(dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.

Kefahaman yang mendalam terhadap ilmu yang dimiliki akan menjelmakan satu tindakan yang positif dalam diri setiap individu. Bermula dari didikan awal lagi, kemahiran insaniah yang terbina dalam diri pelajar akan memberi kesan berpanjangan sehingga masuk ke alam pekerjaan. Oleh sebab itu, setiap pelajar sama ada pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, mahupun institusi pengajian tinggi sekali pun adalah dipupuk agar kembali kepada kehidupan yang berakhlak. Hal ini kerana kemahiran insaniah yang berteraskan dengan akhlak Islamiah dapat menjadi teras dalam keperibadian setiap individu pelajar (Fakhrul Adabi, Ilhamie, dan Rashidi, 2012). Kedudukan yang kukuh akan sentiasa berterusan walau apa sahaja keadaan dan rintangan yang dilalui oleh pelajar tersebut. Begitu juga jika bergelar sebagai pekerja, kemahiran insaniah tersebut menjadi amalan dalam kehidupan bekerja. Maka, kemahiran insaniah menjadi keutamaan dan semakin penting dalam membentuk personaliti setiap individu yang cemerlang dalam kehidupan (Schulz, 2008; Noor Azean dan Vee Lynn, 2010).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, kemahiran insaniah bermula dari dalam diri pelajar dan bukanlah disebabkan oleh orang disekelilingnya. Buktinya adalah merujuk kepada lambakan graduan yang menganggur disebabkan tidak mampu untuk menarik minat majikan terhadap kemahiran yang mereka miliki (Malaysia Today, 2005). Begitu juga dengan apa yang dialami oleh guru di sekolah, masa yang padat dengan urusan PdP dan pengurusan menghalang guru daripada membina pelbagai kemahiran dalam diri mereka. Pengamalan budaya ‘sentiasa selesa’ menyebabkan kebanyakan guru sukar untuk mempelajari sesuatu yang baru.

Menurut Mohd Faizullah (2014), kurikulum di sekolah yang terdiri daripada aktiviti PdP menyukarkan guru untuk membina kemahiran insaniah. Guru lebih sibuk meluangkan masa untuk menyelesaikan tugas pengurusan di sekolah berbanding tugas PdP. Hal ini menjelaskan bahawa guru kurang membuat persediaan sebelum proses PdP berlangsung hingga

menyebabkan kurang keberkesanan pada PdP (Barnett, 2003; Morrison et al., 2005; Siti Nur Nadirah dan Hasnah, 2012).

Kesan daripada kesibukan guru yang terlalu fokus kepada tugas pengurusan, tugas PdP terpaksa diabaikan kerana tidak mampu untuk membuat pelbagai tugas dalam satu masa. Faktor ini dilihat berpunca daripada kurangnya penerapan kemahiran insaniah kepada guru seperti keseimbangan yang sempurna, berkepimpinan, berketerampilan, dan berdaya saing sejak di waktu belajar. Kemahiran seperti ini merupakan kemahiran yang sepatutnya telah diterapkan dalam diri pelajar, namun aspek ini kurang diperhatikan oleh institusi dan diri pelajar itu sendiri (Nor Rafidah, 2008).

Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah juga tidak terlepas daripada membina kemahiran insaniah. Hakikatnya kemahiran insaniah sudah mula diamalkan dalam pekerjaan seharian sama ada PdP ataupun pengurusan di sekolah. Pengamalan ini adalah disebabkan oleh kepatuhan mereka kepada amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sepanjang tempoh perkhidmatan. Hal ini juga menjelaskan bahawa seorang guru yang amanah dan bertanggungjawab akan sentiasa mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran selain daripada bidang pengkhususan mereka. Maka dalam situasi ini, guru-guru telah menunjukkan ciri guru *muallim* kerana bersedia membina kemahiran tanpa kepentingan peribadi (Ab Halim dan Mohamad Khairul, 2010).

Dalam konteks seorang guru, kemahiran insaniah mampu dipupuk dan diamalkan melalui usaha sendiri yang dilakukan semasa persediaan PdP menggunakan sumber yang disediakan oleh pihak sekolah. Walaupun kemahiran insaniah agak sukar dibina dalam proses kurikulum di sekolah, namun terdapat guru yang mampu berusaha untuk memperolehinya. Berdasarkan beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa PdP bukan menjadi satu platform kepada guru dalam meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Namun, kajian ini akan menjelaskan bahawa guru mampu untuk menjadikan PdP sebagai satu platform dalam membentuk dan meningkatkan kemahiran insaniah mereka dengan menggunakan sumber yang disediakan oleh pihak sekolah.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada sorotan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan, kebanyakan pembinaan kemahiran insaniah terhasil melalui aktiviti di luar daripada pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Objektif yang telah digariskan dalam kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti jenis kemahiran insaniah yang terhasil melalui amalan penggunaan sumber bahan bantu mengajar (BBM) guru Pendidikan Islam yang disediakan oleh pihak sekolah dalam penggunaan BBM ketika PdP.

Berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan, maka wujud persoalan yang perlu dijawab oleh pengkaji. Persoalan kajian tersebut ialah apakah jenis kemahiran insaniah yang terhasil melalui amalan penggunaan sumber BBM guru Pendidikan Islam ketika PdP?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan yang dilakukan oleh pengkaji dalam menjawab permasalahan yang timbul semasa kajian dijalankan (Schensul, 2008). Kajian ini telah diklasifikasikan sebagai kajian berbentuk deskriptif kerana matlamatnya untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Merriam, 1988; Mohd Majid, 2005; Tobin, 2010). Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian. Reka bentuk kajian adalah adaptasi daripada kajian Kamarul Azmi (2010), dengan sedikit pengubah suaian dilakukan. Maka pendekatan ini sesuai dengan sifatnya yang melibatkan pelbagai tempat kajian (*multisite studies*) (Merriam, 1998; Bishop, 2010).

Kelebihan kajian ini diperkuatkan dengan sumber dapatan yang pelbagai (Yin, 2006), terdiri daripada temu bual mendalam, pemerhatian, analisis dokumen, dan rakaman (Denscombe, 2007; 2010; Chmilliar, 2010), melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan ini mampu membantu pengkaji dalam mengenal pasti penggunaan BBM yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam (Skorupski, 2005; Flinders, 2009) serta meneroka permasalahan yang dikaji mengikut tatacara

yang ditetapkan (Merriam, 1998; 2002; Esterberg, 2002; Creswell, 2003; Bogdan dan Biklen, 2003).

Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah dengan tiga cara, iaitu temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temu bual merupakan kaedah utama dalam mendapatkan data dan mestilah diberikan penekanan (Madge, 1953). Dapatan yang diperolehi juga merupakan satu hasil yang mampu menarik minat pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam (McConaughy, 2005; Morgan dan Guevara, 2008). Temu bual ini dijalankan terhadap Guru Pendidikan Islam (GPI), penyelia GPI, dan dua orang pelajar di bawah seliaan GPI. Pemerhatian pula diperolehi dalam dua bentuk iaitu rakaman audio atau video terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) GPI. Selain itu, analisis dokumen turut dilakukan termasuk analisis terhadap nota dan diari GPI. Dokumen yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah dari jenis sijil-sijil, persediaan mengajar, bahan bantu mengajar, dan segala kelengkapan buku pelajar (Olson, 2010). Dokumen tersebut diperolehi dalam bentuk fizikal, audio, dan video (Scott, 2004; Raptis, 2010).


Dapatan kajian yang diperolehi dari lapangan akan terus diproses secara berperingkat bermula dengan proses transkrip data berbentuk audio, video, dan gambar ke dalam bentuk teks. Setelah itu, data yang siap ditranskrip akan dianalisis secara “*open coding*” menggunakan perisian analisis data kualitatif iaitu Nvivo versi 7.0. Proses analisis menggunakan perisian ini melibatkan penggunaan beberapa singkatan yang dapat dijelaskan seperti pada Jadual 1.

Jadual 1: Singkatan yang digunakan dalam Proses Analisis Data Kajian.

Singkatan	Penjelasan
SA, SB, SC, SD, SE	Sekolah ‘A’, ‘B’, ‘C’, ‘D’, ‘E’ *Tempat kajian lapangan dijalankan.
GPISA, GPISB, GPISC, GPISD, GPISE	Guru Pendidikan Islam Sekolah ‘A’, ‘B’, ‘C’, ‘D’, ‘E’
GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/KUR	Guru Pendidikan Islam: Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Kursus.
GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/INT	Guru Pendidikan Islam: Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Internet.
BBM:SPG/SPT/SEK/BUK	Bahan Bantu Mengajar: Sumber Penggunaan/Sumber Pengetahuan/Sekolah/Buku.

Analisis dilakukan dengan membentuk tema-tema berdasarkan dapatan kajian. Kemudian tema yang terhasil akan membentuk model dapatan kajian berdasarkan kepada tema yang mencapai tahap pola.

Secara ringkasnya, rekabentuk kajian ini dapat disimpulkan melalui Rajah 1 sebelum kesemua data tersebut dianalisis secara deskriptif (Hessler, 1992; Srinivasan, 2007).



Rajah 1: Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes dengan Pendekatan Kualitatif.

5.0 ANALISIS DATA

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui lapangan, terdapat empat sumber pengetahuan guru Pendidikan Islam (GPI) semasa menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang disediakan oleh sekolah. Sumber tersebut ialah kursus, internet, buku, dan aktiviti-aktiviti sekolah. Daripada empat jenis sumber pengetahuan, hanya tiga sahaja yang mencapai tahap pola iaitu kursus, internet, dan buku.

Sumber pengetahuan melalui kursus mewakili majoriti GPI kecuali GPISD. Maksud sumber pengetahuan melalui kursus ini ialah bertukar maklumat melalui program antara sekolah (GPISA, 2012: 326); subjek yang diambil semasa pendidikan ikhtisas (GPISA, 2012: 318;

GPISC, 2012: 422); kursus sebelum dan semasa perkhidmatan (GPISC, 2012: 409, 410; 411); dan kursus anjuran sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), ataupun JPN (GPISA, 2012: 315, 332; GPISB, 2012: 717; GPISE, 2012: 259, 1890). Sebagai contoh, GPISA berkata:

(GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/KUR) "Kalau kursus tu ada lah. tapi lepas kursus tu ada membantu juga. Macam teknik-teknik pengajaran yang disediakan oleh PPD dan sebagainya. Macam Bahagian Teknologi Pendidikan tu, sekolah ni sekolah bestari, sekolah ni ada teknik pengajaran yang terkini yang menggunakan sistem, pembelajaran dalam internet dan sebagainya, membantu lah."

GPISB, 2012: 1888.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa kursus yang dianjurkan oleh pihak atasan sangat memberi manfaat dalam meningkatkan pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM. Melalui kursus yang dihadiri, jelas menunjukkan bahawa guru memperoleh kemahiran dalam menguruskan maklumat yang ingin disampaikan. Kemahiran mengurus maklumat ini sangat penting supaya penyampaian ketika PdP lebih teratur dan berjalan dengan lancar. Melalui sumber pengetahuan yang disediakan oleh sekolah, GPI mendapat manfaat daripada kursus yang dihadiri sebagaimana yang dijelaskan oleh GPISA: (GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/KUR) *"PKPG kan ada pensiswazahan guru kan, jadi dia ajar lah guru bagaimana penggunaan ICT. jadi tambah lagi lah maklumat kita dari segi penggunaan LCD, cara mengajar guna bahan."* GPISE, 2012: 319.

Sumber internet pula merupakan salah satu sumber yang digunakan oleh GPI untuk meningkatkan maklumat berkenaan BBM (GPISA, 2012: 318; GPISB, 2012: 1315; GPISC, 2012: 376; GPISD, 2012: 108). Internet merupakan sumber yang sangat mudah kepada semua GPI untuk mendapatkan maklumat berkenaan BBM (GPISB, 2012: 712, 1315) kecuali GPISE. Sebagai contoh yang dijelaskan oleh GPISB: (GPI: BBM:SPG/SPT/SEK/INT) *"Kita lebih banyak pencarian lah. Cari sendiri. Daripada internet ke. Pasal senang ada internet kan."* GPISB, 2012: 711. Amalan ini dilihat mampu membina kemahiran dalam diri GPI khususnya dari aspek keperihatinan, penyelesaian masalah, dan pembelajaran berkesan. Hal ini merujuk

kepada apa yang dijelaskan oleh P2SD: “ustaz ada gunakan internet untuk mencari tajuk dan bahan mengajar, untuk kefahaman pelajar dan untuk latihan. Ada juga bahan tu dicari untuk isi latihan yang akan diberikan pada pelajar”. P2SD, 2012: 107.

Bukti teks temu bual di atas adalah berkaitan sumber internet memudahkan pencarian maklumat. Namun tidak menjejaskan usaha majoriti GPI untuk membaca buku berkaitan dengan penggunaan BBM (GPISA, 2012: 348; PYSB, 2012: 173). Hal ini dijelaskan oleh GPISA: (BBM:SPG/SPT/SEK/BUK) “beli kitab, beli buku. kalau kena hafal, kita hafal. study dulu lah, sebagai maklumat kita.” GPISA, 2012: 348. Sebaliknya GPISD dan GPISE tidak menggunakan buku disebabkan maklumat sewaktu belajar masih dipraktikkan memandangkan kedua-duanya guru baru (GPISD, 2012: 34; GPISE, 2012: 29).

Sumber buku pula diwakili oleh GPI di SA, SB, dan SC. Buku yang digunakan oleh GPI adalah disediakan di sekolah untuk menambah pengetahuan tentang penggunaan BBM (GPISA, 2012: 348). Pengetahuan GPI diperolehi melalui pembacaan buku-buku yang berkaitan dengan aplikasi pelbagai jenis BBM yang sekolah perolehi dari pasaran (PYSB, 2012: 172; GPISB, 2012: 674; GPISC, 2012: 376). Secara keseluruhannya, amalan penggunaan yang mencapai tahap pola dapatan kajian ini ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 2: Pola Dapatan Kajian bagi Sumber Pengetahuan GPI semasa Penggunaan BBM.

6.0 PERBINCANGAN

Penggunaan BBM yang baik adalah bergantung kepada sumber yang digunakan oleh guru. Berkenaan sumber BBM ini, dapatan yang diperolehi ialah sumber pengetahuan GPI dalam meningkatkan penggunaan BBM. Bagi maksud sumber pengetahuan, sumber ini menjelaskan bagaimana GPI memperolehi pengetahuan untuk menggunakan BBM. Pengetahuan tentang penggunaan BBM tidak datang semulajadi melainkan sekurang-kurangnya melalui pemerhatian (Black, 2010).

Berdasarkan dapatan kajian, sumber pengetahuan penggunaan BBM adalah dari sumber kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Hal ini menunjukkan pentingnya penglibatan sekolah dalam melaksanakan penggunaan BBM ketika proses PdP. Dapatan ini turut mengukuhkan kenyataan bahawa sumber sekolah membantu dalam meningkatkan pengetahuan guru. Kenyataan di selari dengan dapatan kajian oleh Segaran (1999), yang menjelaskan bahawa sekolah perlu memainkan peranan penting dalam melahirkan PdP yang berkesan. Merujuk kepada dapatan kajian, GPI yang memanfaatkan sumber sekolah ini dilihat sedang membina kemahiran insaniah dalam diri mereka.

Sumber tertinggi yang menyumbang kepada pengetahuan GPI adalah kursus yang dihadiri. Melalui sumber ini, GPI akan dapat meningkatkan kemahiran dalam diri mereka seperti kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran ini kebiasaannya diperolehi apabila GPI menghadiri kursus, seminar, atau bengkel yang melibatkan sekumpulan guru yang ramai. Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang merupakan satu slot di dalam kursus, seminar, atau bengkel yang dihadiri mampu untuk menunjukkan komitmen kerja berpasukan. Penglibatan GPI dalam kerja berpasukan juga akan terserlah apabila peserta kursus, seminar, atau bengkel itu dalam kalangan GPI dari sekolah, daerah, atau negeri yang berlainan. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Schena (2010), bahawa guru bukan sahaja mampu membina silaturahim sesama mereka malah dapat menikmati pengalaman kerja berpasukan yang baik. Kemahiran inilah yang diharapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar perbincangan, tugas atau projek,

kerja lapangan, pembentangan dan juga kajian sendiri dapat dilaksanakan oleh guru dan murid di sekolah (KPTM, 2006).


Selain kursus, seminar, atau bengkel, kerja berpasukan juga akan terhasil melalui pencarian maklumat di internet. Usaha ini dilakukan dengan cara pembahagian tugas kepada semua GPI di sesebuah sekolah untuk diagihkan tugas dalam pencarian maklumat untuk penggunaan BBM dan PdP. Pengagihan tugas ini adalah bertujuan untuk memberi kelapangan kepada GPI untuk menyelesaikan tugas yang diagihkan mengikut kesesuaian masa setiap individu. Secara tidak langsung, kekangan masa dalam kalangan GPI mampu di atasi dengan berkesan sepertimana dapatan kajian yang dilakukan oleh Bourn (2005). Kajian oleh Bourn (2005), mendapati bahawa kerja berpasukan mampu meminimumkan masa dan kos serta meningkatkan produktiviti terhadap apa yang dihasilkan.

Penggunaan internet juga sebagai satu jalan penyelesaian kepada GPI dalam mendapatkan maklumat dan idea untuk menggunakan BBM ketika PdP. Penyelesaian ini sebagai persediaan kepada GPI dengan aktiviti yang dirancang sebelum pelaksanaan PdP. Persediaan yang dilakukan dapat menggambarkan bahawa GPI mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi sepanjang tempoh persediaan dan pelaksanaan PdP. Jika rujukan GPI menggunakan internet sebagai sumber pengetahuan maka dapatan kajian ini selari dengan panduan kemahiran insaniah yang mampu membangunkan peribadi GPI itu sendiri (UTHM, 2007).

Aspek penyelesaian masalah juga dapat diatasi dengan cara mengamalkan budaya membaca dan menambah koleksi bahan bacaan sebagai rujukan. Guru Pendidikan Islam (GPI) adalah digalakkan merujuk sebanyak mungkin daripada buku rujukan yang *mu'tabar* walau dalam bidang apa sekalipun yang diajar. Melalui rujukan dan bacaan ini, GPI akan meperoleh kemahiran sampingan iaitu kemahiran berkomunikasi dengan berkesan kerana memiliki fakta dalam berhujah (Nurul Salmi dan mohd Isha, 2014). Rujukan yang dilakukan terhadap buku sekurang-kurangnya mampu membina asas teori dalam pengetahuan GPI. Asas teori ini akan menjadi lengkap apabila GPI menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak KPM. Penggabungan asas teori dan kursus-kursus yang dianggap sebagai pengalaman lapangan ini membuatkan GPI sentiasa membina perkaitan sumber ilmu antara kedua-duanya. Penggabungan

itu juga mampu melahirkan GPI yang sentiasa berfikiran kritis terhadap permasalahan yang timbul sepanjang tempoh pelaksanaan PdP.

Oleh yang demikian, semua kemahiran yang terhasil ini sangat bertepatan dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah mensasarkan bahawa setiap individu perlu menguasai kemahiran insaniah (PSPTN, 2006). Hakikatnya sumber sekolah ini perlu diurus oleh pentadbir atau kumpulan pendidik yang merupakan pusat bagi keseluruhan sumber dalam meningkatkan kualiti proses PdP (Frances, 1978). Oleh itu, peningkatan pengetahuan guru adalah melalui sumber yang disediakan oleh sekolah seperti kursus, internet, dan buku yang telah membentuk kemahiran pada diri GPI seperti yang dijelaskan pada Rajah 3.



Rajah 3: Jenis Kemahiran Insaniah dalam Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic And Arabic Education*. 2(1). Hlmn. 43-56.
- Barnett, S. 2003. Better teachers, better preschools: student achievement linked to teacher qualifications. *Preschool Policy Matter*, 2. NJ: National Institute for Early Education Research.
- Bernd Schulz (2008). The Importance of Soft Skills: Education Beyond Academic Knowledge. *Journal of Language and Communication*. 146-154.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Rashidi bin Abbas (2012). Hubungan Akhlak Islam Dengan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. National Human Resource Management Conference 2012. 5-6 /12/2012 HOLIDAY Inn Melaka.
- Ilias, M.F. & Jasmi, K. A. (2011). Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama in Persidangan Kebangsaan Sains Sosial at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) on 20 - 21 April 2011.
- Jasmi K. A., Ahamed A. M., & Mohd Noor J. M. (2015). *Mahasiswa dan Matlamat Hidup* in Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa Jilid I. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Malaysia Today (2005). *Malaysia Has 60 000 Graduates Unemployed*. http://www.malysiatoday.net/Blog-e/2005/11/malaysiahas-60000_undergraduates.htm , November 3, 2005.
- Morrison, F. J., Bachman, H. J., & Connor, C. M. 2005. Improving literacy in America: Guidelines from research. New Haven: Yale University Press.

- Noor Azean Atan dan Vee Lynn Khoo (2010). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Kalangan Guru Pelatih Yang Mengambil Kursus Sains Komputer Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Pp. 1-7. (Unpublished).
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 4(2). Halaman: 44-56.
- Schena, L. B. (2010). *Teaching Teamwork to Public Relations Students: Does It Matter?* University of La Verna: PhD Thesis.
- Siti Nur Nadirah dan Hasnah (2012). Sistem Mentor dan Amalan Guru dalam Meningkatkan Literasi Awal Kanak-Kanak.
- Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skills)* UTHM. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.